

U B235 BAH EMA SIN
SHULTZ - MAHATHIR

1984

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT YANG SEDANG MELAWAT NEGARA INI ENCIK GEORGE SHULTZ BAHAWA MALAYSIA TIDAK PUAS HATI DENGAN ALIRAN DAGANG ANTARA KEDUA NEGARA ITU.

BELIAU BERKATA SEMENTARA TERDAPAT SEDIKIT PEMULIHAN, DAGANGAN ANTARA KEDUA NEGARA ITU SANGAT LEMBAB DAN TIDAK MEMUASKAN.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBANGKITKAN MASALAH IMBANGAN DAGANGAN ANTARA DUA NEGARA DAN MENYATAKAN KEBIMBANGAN DI ATAS KADAR FAEDAH TINGGI YANG DIKENAKAN DI AMERIKA SYARIKAT YANG SECARA TIDAK LANGSUNG MENJEJAS PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA, MENURUT TIM & ALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR. DATUK MON JAMALUDDIN.

DALAM MASA PERBINCANGAN ITU, MEREKA MEMBICANGankan BEBERAPA IS" TERMASUK SOAL KAMPUCHEA KEADAAN DI ASIA BARAT, MASALAH PELARIAN DAN KEGANASAN ANTARABANGSA. -- LAGI
2137MST 09 07 84

D990

UB236 BAHEMA SIN
SHULTZ-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR
(1)

MENGENAI PERSOALAN KAMPUCHEA, ENCIK SHULTZ MENYATAKAN SOKONGAN AMERIKA SYARIKAT TERHADAP USAHA-USAHA ASEAN DALAM Mencari PENYELESAIAN SEWAJARNYA MASALAH ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA DAN RAKAN-RAKAN ASEANNYA AKAN MENERUSKAN USAHA MEREKA TETAPI MALANGNYA HANOI TIDAK MEMBERI SAMBUTAN SEPATUTNYA.

MENGENAI PELARIAN, ENCIK SHULTZ BERKATA AMERIKA SYARIKAT MENGHARGAI PERANAN MALAYSIA MEMBERI PERLINDUNGAN AWAL KEPADA +ORANG HANYUT+ INDO CHINA.

AMERIKA SYARIKAT, KATANYA, TELAH MENGAMBIL KIRA-KIRA SEPAPUH DARIPADA JUMLAH PELARIAN DARI NEGARA-NEGARA YANG MEMBERI PERLINDUNGAN AWAL.

KEDUA-DUA PEMIMPIN JUGA BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT BERHUBUNG DENGAN KEADAAN DI ASIA BARAT DAN BERSETUJU BAHAWA PROSES KEAMANAN AGAK LEMBAB SEMENTARA KEADAANNYA BEGITU GENTING.

MEREKA BIMBANG TENTANG KEMUNGKINAN SENJATA KIMIA AKAN DIGUNAKAN BERIKUTAN PERMUSUHAN ANTARA IRAN DAN IRAQ SEMAKIN MEMUNCAK.

ENCIK SHULTZ JUGA MEMBERITAHU PERDANA MENTERI BAHAWA PENTADBIRAN REAGAN ADALAH TEGAS DALAM PENDIRIANNYA TIDAK MEMINDAHKAN KEDUTAANNYA DARI TEL AVIV KE BAITUL MAKDIS.

+DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGALU-ALUKAN JAMINAN TERSEBUT,+ KATA DATUK MON. --LAGI
2139MST 09 07 a4

D994

UB238 BAH EMA SIN
SHULTZ - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERANAN CHINA DI RANTAU INI, PERDANA MENTERI MENGULANGI KEBIMBANGAN MALAYSIA TERHADAP ANCAMAN CHINA DARI SEGI JANGKA PANJANG KEPADA RANTAU INI.

+BELIAU MENYATAKAN HARAPAN SUPAYA AMERIKA SYARIKAT MENGAMBIL KIRA KEBIMBANGAN NEGARA-NEGARA KECIL Khususnya DI ATAS PERKARA INI,+ KATA DATUK MON.

MENGENAI HUBUNGAN AMERIKA SYARIKAT-SOVIET UNION, ENCIK SHULTZ MENSIFATKAN HUBUNGAN ITU SEBAGAI - +TEGANG+. -- BERNAMA
2148MST 09 07 84